

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : UPACARA PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT TAHUNAN KOUNSIL PERSATUAN  
PANDU PUTERI MALAYSIA (PPM)  
Lokasi : WISMA PANDU PUTERI, JALAN PANTAI BARU, KUALA LUMPUR,  
Tarikh : 04-08-1982

Yang Berbahagia Toh Puan Bunny Suffian, Naib Yang Di Pertua Persatuan Pandu Puteri;

Puan Hajah Hendun bt. Haji Din, Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri;

Ahli-Ahli Kounsil Persatuan Pandu Puteri;

Puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya berasa bangga kerana dapat hadir di majlis pembukaan rasmi Mesyuarat Tahunan Kounsil Pandu Puteri Malaysia pagi ini. Ini merupakan kali pertama saya dapat bertemu ahli-ahli Kounsil Pandu Puteri di mesyuarat seumpama ini sejak saya menjadi Yang Di Pertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Saya berharap dapat mengenali puan-puan dengan lebih dekat lagi.

2. Pandu Puteri telah menjalankan dua projek yang besar di peringkat Kebangsaan sepanjang tahun 1981. Satu daripadanya ialah Seminar Renjer yang diadakan di Kuching, Sarawak, dalam bulan April 1981, dan satu lagi ialah Jambori Kebangsaan di Serdang, Selangor yang disertai juga oleh Pandu Puteri daripada 14 buah Negara dari Kawasan Asia Pasifik. Projek-projek seperti ini boleh memberi peluang kepada peserta-peserta membina semangat kesungguhan menjalankan tugas dan menjalin persahabatan yang lebih erat di kalangan ahli Pandu Puteri, bukan sahaja di Malaysia, bahkan juga di peringkat antarabangsa.

3. Bagi memajukan Gerakan Pandu Puteri dan aktiviti-aktivitinya, Persatuan Pandu Puteri di semua peringkat hendaklah mempunyai barisan pemimpin--pesuruhjaya, jurulatih dan lain-lain yang cergas, jujur dan ikhlas serta mengetahui kewajipan dan tanggungjawab masing-masing.

Sifat-sifat tersebut diperlukan di semua peringkat iaitu daripada Pek, Pasukan dan Unit kepada Daerah, Daerah kepada Negeri dan Negeri kepada Ibu Pejabat Kebangsaan dan Ibu Pejabat kepada Persatuan Pandu Puteri Sedunia. Melalui pemimpin-pemimpin yang cergas, jujur dan ikhlas inilah maka ahli-ahli Pandu Puteri seperti Brownie, Pandu Puteri, Renjer dan Kadet, dapat disemaikan "Semangat Pandu Puteri" atau "Guiding Spirit" pada diri masing-masing.

4. Menyentuh tentang jurulatih untuk pergerakan ini, saya difahamkan bahawa ada negeri-negeri yang mengalami kekurangan jurulatih bertauliah. Bagi menggerakkan Pergerakan Pandu Putri dengan lancar tiap-tiap negeri mestilah berazam serta berusaha untuk mendapatkan bilangan jurulatih bertauliah yang diperlukan. Mungkin cara-cara bagi mengatasi masalah ini dapat dibincangkan di dalam mesyuarat ini. Bagi sementara waktu ini, saya menyeru negeri-negeri yang mempunyai ramai jurulatih bertauliah supaya membantu negeri-negeri yang memerlukan tenaga mereka itu. Semoga semangat bantu-membantu yang saya sebutkan tadi akan melicinkan lagi perjalanan pergerakan kita ini.

5. Sukacitalah saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru jurulatih-jurulatih bertauliah supaya sentiasa mengambil peluang melibatkan diri di dalam projek-projek yang dianjurkan di peringkat kebangsaan. Saya percaya cara ini akan dapat membuka jalan bagi jurulatih-jurulatih bertauliah untuk melayakkan diri menjadi jurulatih berdiploma pula.

6. Saya tertarik hati dengan aktiviti-aktiviti seperti latihan, perkhemahan dan perhimpunan yang telah diadakan di peringkat masing-masing sepanjang tahun. Apa jua aktiviti yang dijalankan memberi peluang kepada ahli Pandu Puteri belajar, bertukar-tukar pendapat sesama sendiri, serta mengeratkan jalinan persahabatan. Melalui aktiviti ini pesuruhjaya dan pemimpin yang mengendalikannya tentulah pula mendapat pengalaman dan pengetahuan yang lebih lagi dalam hal pentadbiran dan pengurusan. Pengalaman tersebut akan memudahkan lagi masing-masing menjalankan tugas dimasa yang akan datang.

Puan-puan yang dihormati,

7. Punca kewangan adalah satu faktor penting bagi sesebuah persatuan sukarela; dan, punca kewangan memang perlu bagi Persatuan Pandu Puteri kita. Walau bagaimanapun Gerakan Pandu Puteri telah menentukan garis panduan. Misalnya Pandu Puteri digalakkan menggumpul wang melalui projek-projek usaha dan kerja, ataupun memberi balik kepada penderma sebahagian daripada apa yang mereka derma kepada kita sama ada berupa benda atau tenaga. Dengan itu Pergerakan Pandu Puteri tidak menggalakkan ahli-ahli mencari wang secara loteri atau menjual bendera. Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa puan-puan akan mematuhi garis panduan Pandu Puteri ini.

8. Di samping itu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pandu Puteri Pulau Pinang kerana berjaya membina sebuah Bangunan Ibu Pejabat Negeri yang baru. Kita semua turut berbangga di atas kejayaan itu. Kejayaan seperti ini menunjukkan yang ahli-ahlinya telah bekerja kuat mencari wang bagi membina bangunan yang menjadi lambang perpaduan serta "Semangat Kepanduan" bagi Persatuan Pandu Puteri Pulau Pinang. Bangunan ini bukan sahaja menjadi rumah untuk ahli-ahlinya belajar dan berhimpun, tetapi akan memberi pendapatan yang lumayan kepada Persatuan itu sendiri.

Negeri-negeri yang belum mendirikan bangunan ibu pejabat masing-masing seharusnya berazam berbuat demikian.

9. Suka saya akhiri ucapan ini dengan menyampaikan setinggi penghargaan kepada semua yang telah menjayakan dan menjadikan Gerakan Pandu Puteri sebagai satu pergerakan yang menarik minat kaum wanita. Tenaga bakti puan-puan itu akan memberi faedah kepada anak-anak gadis kita yang sedang meningkat rumaja dan yang memerlukan bimbingan. Kepada ahli-ahli Persatuan dan kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan dan pihak swasta yang sentiasa membantu Pandu Puteri, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih. Saya berharap ahli-ahli Pandu Puteri akan bertambah ramai lagi dimasa yang akan datang.

10. Akhir kata, saya dengan sukacita membuka Majlis Mesyuarat Tahunan Kouncil Persatuan Pandu

Puteri Malaysia dengan rasminya.

Terima kasih.